



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2010

3756/2

TINGKATAN 4

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Oktober

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapat markah.*
5. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan.*

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

BAHAGIAN A

(60 markah)

Arahan : Bahagian ini mengandungi 3 soalan. Jawab semua soalan.

- 1 a) Rekodkan perkara berikut ke dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan)

Okt 5 Derma barang niaga kepada Rumah Anak Yatim Terengganu RM450

[2 markah]

10 Beli sebuah komputer daripada Dunia Komputer untuk kegunaan perniagaan RM2 500


[2 markah]

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit

(Salin semula dan jawab di kertas jawapan anda)

- 1 b)



Rajah 1 Kitaran Perakaunan

Lengkapkan rajah Kitaran Perakaunan di atas.


Y : _____

[1 markah]

Z : _____

[1 markah]

I c)

INVOIS	KEM SPORT		ASAL
	22 Jalan Jaya 24300 Kerteh		Tarikh : 5 Julai 2010 No : AA3213

Kepada:
Kedai Sukan Arina
7 Jalan Air Putih
24000 Kemaman

Kuantiti	Item	Harga seunit (RM)	Amaun (RM)
50 batang	Kayu hoki	80	4 000
50 biji	Bola hoki	25	1 250
10 keping	Pad hoki	320	3 200
20 pasang	Kasut sukan	270	540
Jumlah kasar			8 990
Tolak: Diskaun niaga 20%			1 798
Jumlah bersih			7 192

(Ringgit: Tujuh ribu satu ratus sembilan puluh dua sahaja)

Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K. & K. D. K.

Arina
Penerima

Shapaz
Pengurus

Rajah 2 : Invois

Berdasarkan rajah 2 di atas, berapakah nilai cek yang perlu dikeluarkan oleh Kedai Kasut Arina jika bayaran dibuat pada

- i) 9 Julai 2010 [2 markah]
- ii) 6 Ogos 2010 [2 markah]

[10 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

2. Berikut ialah Imbangan Duga yang diambil dari buku-buku Perniagaan Husaini pada 30 Jun 2010.

Perniagaan Husaini Imbangan Duga pada 30 Jun 2010.			
	RM		RM
Stok pada 1 Julai 2009	5 150	Modal pada 1 Julai 2009	12 933
Belian	32 000	Jualan	43 400
Pulangan Jualan	144	Pulangan Belian	188
Alatan Pejabat (kos)	4 500	Diskaun	236
Kenderaan (kos)	10 000	Komisen	360
Gaji	3 030	Bank	756
Kadar Bayaran	272	Pemiutang	1 248
Ambilan	678	Peruntukan Susut Nilai Kenderaan	1 000
Insurans	240		
Penghutang	2 400		
Angkutan Masuk	284		
Alat Tulis	323		
Sewa Kedai	1 100		
	60 121		60 121

Maklumat tambahan:

- i. Stok pada 30 Jun 2010 bernilai RM7 250 pada harga kos dan RM7 650 pada harga pasaran.
- ii. Sewa kedai terakru ialah RM100.
- iii. Insurans terdahulu sebanyak RM40.
- iv. Peruntukan Susut Nilai Kenderaan ialah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan dan alatan pejabat disusut nilaikan 10% setahun atas kos.
- v. Wujudkan 5% Peruntukan Hutang Ragu atas penghutang.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a. Penyata Pendapatan Perniagaan Husaini bagi tahun berakhir 30 Jun 2010. [13 markah]
 - b. Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2010 (tunjukkan modal kerja). [10 markah]
 - c. Nyatakan dua sebab mengapa berlakunya susut nilai. [2 markah]
- [25 markah]

- 3 a) Kelaskan butir-butir berikut ke dalam kumpulan aset bukan semasa, aset semasa, liabiliti semasa atau liabiliti bukan semasa dengan menandakan (✓) di dalam petak yang disediakan dibawah:

Bil	Butiran	Aset Bukan Semasa	Aset Semasa	Liabiliti Bukan Semasa	Liabiliti Semasa
	Contoh: Pernghutang		✓		
i)	Stok akhir				
ii)	Deposit air				
iii)	kenderaan				
iv)	Pelaburan				
v)	Overdraf bank				
vi)	Pinjaman bank				

[3 markah]

- 3 b) Kelaskan butir-butir berikut ke dalam kumpulan Hasil Kendalian, Hasil Bukan Kendalian, Belanja Kendalian atau Belanja Bukan Kendalian dengan menandakan (✓) di dalam petak yang disediakan di bawah:

Bil	Butiran	Hasil Kendalian	Hasil Bukan Kendalian	Belanja Kendalian	Belanja Bukan Kendalian
	Contoh: Terima dividen		✓		
i)	Belian barang niaga				
ii)	Jual perabot terpakai				
iii)	Bayar insurans				
iv)	Jualan barang niaga				
v)	Faedah pinjaman				
vi)	Sewa diterima				
vii)	Kerugian akibat banjir				
viii)	Faedah simpanan bank				

[4 markah]

- c) Kira dan isikan tempat-tempat kosong berpandukan kepada contoh yang diberikan di bawah.

Bil	Imbangan Duga pada 31 Disember 2010			Pelarasan		Akaun Untung Rugi	Kunci Kira-kira
	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)	Terakru	Terdahulu		
	Contoh: Iklan	3000		300		3 300	iklan terakru 300
i)	Insurans	1 200			200		
ii)	Gaji	5 600		600			
iii)	Kadar bayaran	400		20			
iv)	Komisen diterima		550	100			
v)	Sewa diterima		4 000		400		
vi)	Angkutan	490		80			

[6 markah]

- d) Dari maklumat (c) di atas, anda dikehendaki menyediakan :

i) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2010.

[3 markah]

ii) Kunci Kira-kira pada 31 Oktober 2010.

[3 markah]

- e) Cik Aisyah ialah pemilik Café Harmoni yang menjalankan perniagaan di Kuala Terengganu. Berikut ialah petikan Imbangan Duga perniagaan pada 31 Oktober 2010:

Imbangan Duga pada 31 Oktober 2010			
Alatan pejabat	25 000	Peruntukan Susut nilai	4 500

Maklumat tambahan :

Alatan Pejabat disusutnilaikan 10 % setahun mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan :

i) Akaun Belanja Susut Nilai Alatan Pejabat

[1½ markah]

ii) Akaun Peruntukan Susut Nilai Alatan Pejabat

[3 markah]

iii) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2010.

[½ markah]

iv) Kunci Kira-kira pada 31 Oktober 2010.

[1 markah]

[25 markah]

BAHAGIAN B

(40 markah)

ARAHAN : Jawab mana-mana dua dari tiga soalan.

4 a) Nyatakan kesan urus niaga di bawah ke atas persamaan perakaunan.

Bil	Urusniaga	Bank	Penghutang	Stok	Pemiutang	Pinjaman	Untung bersih
CONTOH	<i>Bayar pemiutang RM200 dengan menggunakan cek.</i>	<i>berkurang RM200</i>			<i>berkurang RM200</i>		
i)	Bank Jimat meluluskan pinjaman sebanyak RM10 000, wang dibankkan.						
ii)	Penghutang membuat bayaran dengan cek RM500. Beri diskaun RM50						
iii)	Bayar sewa kedai RM400 dengan cek.						
iv)	Jual barang niaga yang berkos RM3500 secara kredit dengan harga RM5 900						
v)	Beli barang niaga secara kredit sebanyak RM5990						

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

b) Berikut adalah Kunci Kira-Kira perniagaan Kedai Jimat Amin pada 1 Ogos 2010.

Perniagaan Kedai Jimat Amin Kunci Kira-kira pada 1 Ogos 2010			
ASET	RM	EKUITI PEMILIK	RM
Alatan Pejabat	8 500	Modal	30 000
Stok	28 000	Untung bersih	9 160
Penghutang	8 100		
Bank	5 060	LIABILITI	
		Pemiutang	10 500
	<u>49 660</u>		<u>49 660</u>

Sepanjang bulan Ogos, urusniaga berikut telah berlaku:

- i) Beli sebuah komputer baru bernilai RM4 500 dibayar dengan cek
- ii) Terima cek RM100 daripada penghutang
- iii) Sewa bagi bulan Ogos berjumlah RM500 dibayar dengan cek
- iv) Bayar belanja pembaikan komputer RM100 dengan menggunakan cek
- v) Pemilik membawa masuk wang RM5 000 sebagai modal tambahan. Wang dibankkan.
- vi) Mengeluarkan cek perniagaan RM2 000 untuk menjelaskan ansuran kereta pemilik.
- vii) Barang-barang bernilai RM1 500 di pulangkan kepada pemiutang kerana tersalah jenama.
- viii) Stok pada harga kos RM4 500 dijual secara kredit RM6 800.
- ix) Sekeping cek bernilai RM500 di terima daripada penghutang tidak dilayan oleh bank.
- x) Bayar pengangkutan RM250 dengan cek.
- xi) Bayar gaji pekerja RM550 dengan cek.

Berdasarkan maklumat di atas, anda dikehendaki menyediakan Kunci Kira-kira pada 31 Ogos 2010. (Jalan kerja hendaklah ditunjukkan di luar Kunci Kira-kira)

[12 markah]

c) Nyatakan satu ciri aset semasa dan berikan satu contoh

[2 markah]

[20 markah]

- 5 a) Perniagaan Suria Trading mengamalkan penggunaan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar bermula 1 Januari 2007. Wang permulaan sebanyak RM300 diperuntukan sebagai dana tunai runcit. Penerimaan wang daripada ketua juruwang hanya akan dilakukan pada awal bulan berikutnya.

Penggunaan wang dalam bulan Januari 2010 adalah seperti berikut:

Januari	RM
2 Membeli setem	5
3 Membeli Kertas fotostat	12
5 Membeli printer	250
5 Membayar tambang teksi	30
6 Memberi pinjaman kepada Pak Man seorang pekerja	15
8 Membayar upah baiki tingkap	7
10 Mengirim bungkusan melalui pos	5
11 Membayar sewa lori	30
12 Membeli pen dan pensil untuk kegunaan pejabat	18
15 Tambang teksi	15
17 Membayar minuman dan kuih untuk tetamu	18
22 Membayar tambang kereta sewa	9
25 Upah pekerja	150
29 Membeli dakwat printer	70

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Februari 2010 dengan menunjukkan lajur analisis Tambang, Belanja Pos, Alat tulis dan Belanja Pejabat.

[16 markah]

- b) Nyatakan kegunaan buku tunai runcit dan berikan dua contoh.

[2 markah]

- c) Nyatakan 2 kebaikan menyimpan buku tunai runcit.

[2 markah]

[20 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

6 a) Berikut adalah Imbangan Duga Perniagaan Wanis pada 30 Jun 2010

Perniagaan Wanis Imbangan Duga pada 30 Jun 2010		
	Debit	Kredit
Pinjaman bercagar	5 000	
Kadar bayaran	1 020	
Ambilan	610	
Stok pada 1 Julai 2009	10 408	
Diskaun diterima	486	
Belian		17 700
Insurans	1 600	
Penghutang		1 900
Mesin	25 000	
Tunai di bank	12 670	
Modal	45 000	
Diskaun diberi		360
Pemiutang	2 700	
Gaji		3 200
Komisen diterima	180	
Belanja membaiki		1 050
Tunai di tangan		3 752
Pulangan keluar	504	
Jualan		25 400
	105 178	53 362

Imbangan Duga tersebut mengandungi beberapa kesilapan.

Anda dikehendaki menyediakan semula Imbangan Duga yang betul pada 30 Jun 2010.

[6 markah]

6 b) Butir-butir berikut diambil daripada buku Kedai Iman pada 31 Disember 2009.

2009		RM
Januari 1	Baki penghutang	920
	Baki pemiutang	460
Disember 31	Belian kredit	7 110
	Belian tunai	1 510
	Jualan kredit	4 115
	Jualan tunai	1 200
	Pulangan belian	450
	Pulangan jualan	380
	Bayaran cek kepada pemiutang	5 080
	Bayaran cek oleh penghutang	3 050
	Diskaun diberi	150
	Diskaun diterima	210
	Angkutan dikenakan oleh pemiutang	110
	Cek diterima tak layan	650
	Diskaun diberi dibatalkan	70
	Faedah dikenakan atas penghutang	85
	Faedah dikenakan oleh pemiutang	95
	Hutang lapuk	380
	Peruntukan hutang ragu	170
	Pindahan baki debit dari lejar penghutang ke lejar pemiutang	220
	Pindahan baki kredit dari lejar pemiutang ke lejar penghutang	240

Maklumat tambahan:

Pada 31 Disember 2009 terdapat baki debit berjumlah RM195 dalam lejar pemiutang manakala lejar penghutang menunjukkan baki kredit RM215.

Anda dikehendaki menyediakan akaun berikut pada 31 Disember 2009

- i) Akaun Kawalan Penghutang
- ii) Akaun Kawalan Pemiutang

[12 markah]

6 c) Nyatakan dua tujuan Akaun Kawalan disediakan

[2 markah]

[20 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT